


Tertib Surah	Nama Surah	Bilangan Ayat	Bilangan Ruku`	Makkiyyah / Madaniyyah	Tertib Turun	Bilangan Paragraf
Ke-93	Ad-Dhuha	11	1	Makkiyyah	Ke-11	3





### **Zaman Diturunkan**

Surah ad-Dhuha diturunkan di peringkat permulaan kehidupan Rasulullah di Mekah di antara tahun 1 hingga tahun 3 Kenabian, ketika seruan Islam disebarkan secara rahsia dan sulit. Ia diturunkan selepas berlaku *فتره الوحي* iaitu pemberhentian wahyu untuk sementara waktu kepada Rasulullah, tempoh berhentinya wahyu sampai kepada Rasulullah s.a.w. hanya sekitar 15 hingga 20 hari sahaja, dalam masa itu Rasulullah s.a.w. kelihatan sedih dan akhirnya Jibril datang menenangkan Baginda dengan katanya: “Engkau adalah rasul yang sebenar”. Sahih al-Bukhari, Kitab at-Ta`bir, Bab 1, hadits 6,581.

### **Ciri Khusus Surah Ad-Dhuha**

Surah ini dapat memberikan ketenangan kepada orang-orang yang menghadapi kesukaran dan keadaan hidup yang mencabar apabila ia merenungi kandungannya dan menghayatinya.

### **Perkaitan Surah Ad-Dhuha Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya**

1. Di dalam Surah al-Lail sebelum ini diberikan berita gembira kepada orang-orang yang mengharap keredhaan Allah dan orang-orang beriman yang pemurah. Di akhir Surah al-Lail itu tersebut firman Allah *وَلَسَوْفَ يَرْضَىٰ*, di dalam Surah ad-Dhuha ini pula diberi berita gembira bahawa tidak lama lagi Allah akan menggembarakan dan memuaskan hatimu *وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ فَتَرْضَىٰ*.
2. Surah al-Insyirah selepas ini mempunyai perkaitan rapat dengan Surah ad-Dhuha, mesej utamanya juga lebih kurang sama.